

Terburuk sejak sembilan tahun

MELAKA: Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam menyifatkan kejadian banjir di negeri ini yang paling buruk membabitkan 3,193 mangsa banjir daripada 691 keluarga yang ditempatkan di 39 pusat pemindahan di tiga daerah, sehingga semalam.

Melaka Tengah mencatatkan 1,796 mangsa daripada 384 keluarga membabitkan 12 pusat perpindahan, 912 mangsa daripada 194 keluarga ditempatkan di 10 pusat perpindahan di Alor Gajah, manakala 485 mangsa daripada 113 keluarga ditempatkan di 13 pusat perpindahan di Jasin.

Beliau berkata, banjir kali ini terburuk dalam tempoh sembilan tahun, selepas kali terakhir banjir besar di Melaka pada 1991.

Katanya, hujan 30 jam tanpa henti membabitkan purata 220 milimeter (mm) sehari di Tampin berbanding hanya 65 mm sehari di Melaka Tengah menyebabkan kenaikan paras air Sungai Melaka.

"Keadaan ini menyebabkan banjir di bahagian hulu seperti Gangsa dan Gadek. Berikutan itu, kita mengambil tindakan membuka pintu air Empangan Durian Tunggal bagi mengelakkan kejadian banjir semakin buruk di kawasan terbabit.

"Namun, keadaan itu menyebabkan banjir di kawasan Batu Berendam seperti Taman Merdeka Jaya dan Tamby Chik," katanya.